

# Kuan Yew masuk perangkap sendiri

Provokasi nakal perlu bijak ditangani elak kontroversi diplomasi berterusan

BH-29/9/2006



Meniti  
Arus

Bersama

Abdul Rahman Sulaiman

E-mel: rahmansulaiman@yahoo.com

**E**NTAH apa sebabnya dan tanpa sebarang provokasi, tiba-tiba bekas Perdana Menteri Singapura, Lee Kuan Yew mengeluarkan satu kenyataan yang cukup menyakitkan hati pemimpin serta rakyat Malaysia dan Indonesia.

Sepatutnya, sebagai sebuah negara kecil yang tidak mempunyai sumber semula jadi yang rakyatnya semakin beransur tua dan gelisah, Singapura masih mempunyai pilihan munasabah untuk terus relevan – berbaik-baik dengan jiran tanpa mengira Islam atau bukan Islam.

Kenyataan Kuan Yew yang menyinggung perasaan itu meletus ketika beliau berucap pada satu forum sempena Persidangan Tahunan Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) di republik itu baru-baru ini.

Kuan Yew yang kini Menteri Mentor kerajaan pimpinan anaknya, Perdana Menteri, Lee Hsien Loong, mendakwa sikap Malaysia dan Indonesia terhadap Singapura banyak dipengaruhi cara Kerajaan Malaysia dan Indonesia melayan masyarakat Cina yang menjadi kaum minoriti.

“Negara jiran kami mempunyai masalah dengan penduduk Cina. Masyarakat Cina di Malaysia dan Indonesia sebenarnya rajin dan berjaya dalam sektor ekonomi yang diceburi. Namun, yang menjadi masalah ialah semakin rajin dan berjaya mereka dalam bidang yang diceburi, masyarakat itu dipinggirkan secara sistematik,” dakwa Kuan Yew pada forum itu yang turut dihadiri tetamu asing termasuk bekas Setiausaha Perbendaharaan Amerika Syarikat, Lawrence Summers.

Bekas Perdana Menteri itu mendakwa apa yang kedua-dua negara yang majoriti penduduknya beragama Islam itu mahu Singapura lakukan, dengan kata yang mudah, ialah bersikap seperti masyarakat Cina di negara mereka – sentiasa tunduk dan menjadi pak turut.

Bagaimanapun, Kuan Yew menjelaskan oleh kerana Singapura yang majoriti penduduknya Cina, bersaing dengan dua negara jiran, Malaysia dan Indonesia yang mempunyai majoriti penduduk Islam, republik itu memerlukan sebuah kerajaan yang mempunyai keberanian dan kemahiran untuk berkata ‘tidak’ kepada negara jiran mereka secara baik dan terhormat.

Kenyataan yang sarat dengan hasutan, fitnah dan secara tidak langsung ugutan itu

INTI PATI

- Kuan Yew cuba mengganggu kestabilan Malaysia dan Indonesia bagi menjejaskan keyakinan pelabur asing dan ini akan menguntungkan Singapura.
- Kuan Yew cuba meraih simpati perwakilan asing dengan memberi gambaran bahaya yang dihadapi Singapura kerana berjiran dengan negara Islam dan sekali gus membangkitkan isu Islamophobia yang memuncak di Barat.
- Rakyat tidak boleh bertindak melulu dan emosional yang akhirnya menyebabkan kita terperangkap dalam jerat ciptaan Kuan Yew.
- Bantahan rasmi dari Kuala Lumpur dan Jakarta adalah tindakan bijak kedua-dua negara yang menjadi mangsa tuduhan Kuan Yew.

sudah tentu mengundang kemarahan meluap bukan saja dari seberang tambak Johor tetapi juga dari Indonesia.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, dalam reaksi awalnya menyifatkan komen itu sebagai nakal dan tidak perlu. Najib sendiri tidak faham melihat Kuan Yew mengeluarkan kenyataan demikian sedangkan beliau sendiri tahu bahawa ia pasti mempunyai implikasi terhadap Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pula mengutus surat meminta Kuan Yew menjelaskan motifnya mengeluarkan kenyataan itu. Sekembalinya beliau dari Amerika Syarikat baru-baru ini, Abdullah menyifatkan kenyataan Kuan Yew itu sebagai menghasut.

“Ini adalah kenyataan yang akan menghasut rakyat keturunan Cina kita dan tidak wajar dibuat oleh seorang pemimpin negara jiran,” ujar beliau.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata di samping surat Perdana Menteri itu, Pesuruhjaya Tinggi Singapura ke Malaysia juga dipanggil Wisma Putra untuk menyampaikan bantahan rasmi Malaysia.

Perkara itu tidak boleh dipandang ringan kerana Kuan Yew cuba mencampuri hal ehwal dalaman negara dengan memberi gambaran negatif mengenai Malaysia. Ini juga bertentangan dengan semangat Asean.

Di samping itu, pelbagai pihak termasuk komponen parti Barisan Nasional (BN) yang memerintah menyatakan bantahan masing-masing.

Di **JAKARTA**, Duta Singapura ke republik itu juga sudah dipanggil menghadap Kementerian Luar untuk menerima nota bantahan. Sebelum itu, sekumpulan Ahli Parlimen Indonesia mengambil pendirian sama pemimpin Malaysia dengan mendesak Kuan Yew memohon maaf secara terbuka dan menarik balik kenyataan yang menghina itu.

Sama ada pemimpin Singapura itu akan akur atau tidak dengan tuntutan pemimpin dan rakyat di kedua-dua negara jirannya yang sudah tersinggung, sukar diramalkan.

Tetapi, berdasarkan kepada rekod masa lampau beliau, rasanya adalah sukar untuk beliau meminta maaf secara terbuka. Tentulah juga sesuatu yang cukup lunak untuk mengharapkan beliau akan berterus terang dalam jawapannya nanti kepada nota bantahan daripada Malaysia dan Indonesia.

Dalam keadaan demikian, seseorang hanya boleh membuat beberapa andaian mengenai motif sebenar pemimpin Singapura itu apabila beliau mengeluarkan kenyataan yang serba provokatif itu. Antaranya, ialah:

- Cuba mewujudkan suasana tidak stabil di Malaysia dan Indonesia yang kini cukup stabil dengan harapan akan menjejaskan keyakinan pelabur asing dan ini akan menguntungkan Singapura.

- Mengambil kesempatan daripada kehadiran perwakilan asing, terutama daripada negara Barat, ke Persidangan Bank Dunia/IMF ketika itu untuk memberi gambaran bahawa Singapura kini dalam keadaan bahaya kerana dikelilingi negara jiran Islam.

Kuan Yew tahu bahawa akibat gelombang Islamophobia yang memuncak sekarang, mereka akan cepat mengaitkan Islam dengan keganasan. Kuan Yew tidak payah menghuraikan perkara ini secara terus terang. Dengan itu, Kuan Yew mengharapkan persefahaman, simpati dan mungkin juga sokongan negara Barat yang memang tidak berapa senang dengan perjalanan demokrasi di republik itu yang dilihat sebagai serba mengongkong.

- Sengaja mahu menakutkan rakyat Singapura mengenai musuh bayangan mereka, iaitu masyarakat Islam di Malaysia dan Indonesia. Ini jelas terbayang apabila Kuan Yew dalam ucapan yang sama mem-

pertahankan penguasaan Parti Tindakan Rakyat (PAP) dalam kancah politik negara itu. Katanya, jika parti pembangkang yang sering mengkritik kerajaan dipilih untuk berkuasa di republik itu, Singapura akan dilanda masalah besar.

Beliau mendakwa pengkritik yang mahukan beliau mengambil sikap yang lebih terbuka dan liberal ke atas parti pembangkang seperti di negara Barat, gagal melihat ‘batasan geografi’ yang Singapura hadapi. Dengan kata mudah, mereka gagal memahami bahawa republik itu dikelilingi negara Islam.

Mana-mana satu pun daripada senarai di atas yang menjadi motif sebenar Kuan Yew, beliau akan hanya berjaya mencapai matlamatnya jika rakyat di negara yang menjadi sasaran beliau bertindak secara melulu, emosional dan keterlaluan.

Dengan kata lain, kenyataan beliau itu hanyalah sebuah perangkap dan reaksi berlebihan akan membingkas perangkap itu.

Dalam keadaan sekarang pun, sudah ada pihak yang mulai terpengaruh dengan dakwaan Kuan Yew itu bahawa rakyat keturunan Cina yang menguasai kehidupan ekonomi di Malaysia dan Indonesia disisihkan secara sistematik.

Lebih cepat kontroversi ini diselesaikan, adalah lebih baik buat Malaysia dan Indonesia. Sebagai negara berdaulat, Kuala Lumpur dan Jakarta tidak boleh berdiam diri dengan tuduhan melulu itu. Oleh itu, bantahan rasmi daripada kedua-dua kerajaan adalah wajar. Selebihnya, kedua-dua negara harus berdiam diri dan tunggu jawapan Singapura.

Kuan Yew sendiri tahu bahawa beliau akan kehabisan suara jika terus berkokok sendirian. Walaupun menamakan negara Islam Malaysia dan Indonesia sebagai pesaing, beliau dan rakyat Singapura sendiri tahu bahawa saingan mereka bukan terhadap kepada dua buah negara ini saja.

Di samping Malaysia dan Indonesia, mereka juga terpaksa menghadapi saingan rakan Asean termasuk Thailand, Filipina serta Vietnam selain India dan China.

Walaupun kini Singapura berbangga dengan statusnya sebagai sebuah negara terkaya di Asia dan menikmati pendapatan perkapita tertinggi di Asean, mereka tahu bahawa satu hari nanti mereka akan tenggelam dalam persaingan itu kecuali mereka mengubah cara mereka.

Singapura sebenarnya cukup takut dengan teori ekonomi yang berkaitan dengan Hukum Pulangan Meleset (Law of Diminishing Returns).

**Penulis, bekas Ketua Pengarang Bernama dan pernah menjadi Ahli Parlimen, adalah Penasihat Direktor Pelaksanaan Negara**